



UKM tangga 230 terbaik di dunia

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) disenaraikan di tangga ke-230 universiti terbaik dunia menerusi penarafan QS World University ranking 2017/2018 yang diumumkan baru-baru ini.

Ini merupakan peningkatan sebanyak 72 anak tangga daripada kedudukan ke-302 pada nilai 2016/2017. Dengan peningkatan itu, UKM kini berada dalam kelompok satu peratus teratas daripada 26,000 universiti di seluruh dunia.

Menurut Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali menyifatkan itu sebagai satu pencapaian yang membanggakan memandangkan usia UKM belum mencecah usia 50 tahun.

"UKM berbangga dengan peningkatan kedudukan dalam QS World University Ranking yang merupakan penarafan utama global dalam mengukur kedudukan universiti berbanding universiti-universiti lain di dunia.

"UKM yakin pencapaian ini juga mencerminkan kecemerlangan universiti dalam konteks yang lebih menyeluruh, khususnya dalam menyumbang pada matlamat pembanunan negara dan peningkatan kesejahteraan kehidupan masyarakat tempatan dan sejagat, bertepatan dengan aspirasi rakyat yang mendasari penubuhan universiti ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam satu sidang akhbar Penarafan UKM dalam QS World Ranking 2017/2018 di Persada Canselor, UKM, Bangi baru-baru ini.



NAIB Canselor UKM Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali bercakap pada sidang akhbar Penarafan UKM dalam QS World Ranking 2017/2018 di UKM, Bangi baru-baru ini.

Menurut beliau kejayaan tersebut adalah hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi oleh semua warga UKM termasuk ahli akademik, pentadbiran dan pengurusan, pelaksana serta para pelajar dan alumninya.

"Sokongan yang padu daripada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi serta rakan-rakan strategik dalam dan luar negara mengukuhkan

kecemerlangan UKM," tambahnya.

Pada Mei lalu, UKM telah mendapat penganugerahan sebagai universiti bertaraf 5 bintang oleh QS meliputi penilaian ke atas kualiti pengajaran, kebolehpasaran graduan, inklusif, pengantarabangsaan, inovasi dan prasarana, sekali gus menempatkannya setara dengan universiti yang terkemuka dunia.

Selain itu, pada awal tahun ini, sembilan subjek di UKM iaitu sains, kesusasteraan inggeris, pengajian Islam, kejuruteraan kimia, elektrik dan mekanika, pendidikan dan polisi sosial tersenarai dalam 100 teratas di dunia dalam penilaian QS mengikut subjek dan bidang pengajian.

UKM kini telah berusia 47 tahun mempunyai 13 buah fakulti dan 13 institut penyelidikan.

UKM yakin pencapaian ini juga mencerminkan kecemerlangan universiti dalam konteks yang lebih menyeluruh, khususnya dalam menyumbang pada matlamat pembanunan negara dan peningkatan kesejahteraan kehidupan masyarakat tempatan dan sejagat, bertepatan dengan aspirasi rakyat yang mendasari penubuhan universiti ini.

Pusat pengajian tinggi terkemuka tanah air itu telah melahirkan seramai 182,375 graduan sejak dari penubuhannya hingga kini.

"UKM amat berbangga kerana menjadi pilihan pertama yang tertinggi berdasarkan kepada data pemilihan pelajar untuk memasuki universiti awam sesi 2017/2018 yang akan datang. Ini mencerminkan kepercayaan masyarakat terhadap kualiti program pendidikan dan penyelidikan yang ditawarkan oleh UKM.

Beliau turut berkata, UKM akan memastikan kejayaan yang dicapai itu akan memanfaatkan masyarakat dan negara. UKM akan terus berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan pada masa akan datang.